

PENERAPAN KUALITI

PROGRAM PENERAPAN KUALITI

LPP sentiasa berusaha untuk mewujudkan budaya kerja cemerlang di kalangan anggotanya dengan melaksana sepenuhnya sistem Pengurusan Kualiti Menyeluruh atau Total Quality Management (TQM). Tumpuan LPP adalah kepada membudayakan konsep pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran ke arah melahirkan anggota-anggota yang berkualiti profesional dalam usaha meningkatkan kecemerlangan organisasi.

LPP meneruskan program pemantapan Budaya P.E.L.A.D.A.N.G. yang menetapkan misi untuk mewujudkan anggota LPP yang PROFESIONAL lagi EFISIEN DAN EFEKTIF serta melUHURkan anggota yang mengamalkan AMALAN POSITIF, DINAMIK, AMANAH jugaberpegang kepada NILAI-NILAI MURNI bagi mencapai keGEMILANGAN organisasi. Disamping itu penekanan diberikan kepada proses penghayatan matlamat akhir LPP adalah untuk Lahir Peladang Progresif yang sinonim dengan singkatan LPP .

i. Anugerah Kualiti LPP

Sambutan Hari Kualiti LPP adalah dijadikan aktiviti tetap dalam kalendar tahunan LPP. Sempena Hari Kualiti LPP Tahun 2008 pada 20 November 2008, beberapa kategori anugerah kualiti diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di peringkat negeri dan kebangsaan. Kategori yang dipertandingkan adalah seperti di **Jadual 32**.

a. Anugerah Pengurusan Projek Terbaik

b. Anugerah Pengurusan Sistem Kerja Terbaik Pertubuhan Peladang

PPK Kuala Kurau, Perak

c. Anugerah Pertubuhan Peladang Menyelaras 10 Perkhidmatan

PPK Parit Raja, Johor

Jadual 32 : Anugerah Pengurusan Projek Terbaik

Bil.	Kategori	Pemenang
1.	Pengurusan Projek Terbaik (Padi)	PPK Kg. Pelet, Pulau Pinang
2.	Pengurusan Projek Terbaik (Buah-buahan)	PPK Maran, Pahang
3.	Pengurusan Projek Terbaik (Ternakan)	PPK Pengerang, Johor
4.	Pengurusan Projek Terbaik (Ternakair)	PPK Johor Bharu Selatan, Johor
5.	Pengurusan Projek Terbaik (Sayur-sayuran)	PPK Pengkalan Chepa, Kelantan

d. Anugerah Pertubuhan Peladang/ Institut Pengurusan Peladang Bersih dan Indah.

PPK Kota Marudu, Sabah

e. Anugerah Pengurusan LPP Negeri Terbaik

LPP Negeri Perak

f. Anugerah Input Pertanian Bersepadu PP 2007

PPN : PPN Kelantan
PPK : PPK Sri Medan, Johor

g. Anugerah Pengurusan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) Terbaik

PPK Penaga, Pulau Pinang

h. Anugerah Pengurusan Pertubuhan Peladang Negeri Jentera Terbaik.

PPN Jentera Perak Utara

ii. Persijilan MS ISO 9001:2000

Pada tahun 2008, LPP telah memperolehi persijilan MS ISO 9001:2000 bagi Kilang Padi PPK Kangkong, Kelantan, PPN Jentera Perlis dan Kilang Kelapa Sawit PPNJ di Kahang, Johor. Senarai terperinci penerima dan skop persijilan MS ISO 9001:2000 adalah seperti **Jadual 33**.

Jadual 33
Senarai Penerima Persijilan Dan Skop Persijilan

Bil	Penerima Persijilan MS ISO 9000	Skop Persijilan	Tempoh Persijilan
1.	Bahagian Audit Pertubuhan dan Ibu Pejabat dan semua cawangan Audit Pertubuhan LPP Negeri	Pengurusan Perkhidmatan Audit Berkanun Ke atas PP dan KAT	2007 – 2010
2.	PPK Kubur Panjang, Kedah	Pengurusan Estet Padi	2007 – 2009
3.	PPK Pasir Panjang, Selangor	Pengurusan dan Pemasaran Padi Pukal	2007 – 2009
4.	PPK Kg. Pelet, Pulau Pinang	Pengurusan Ladang Benih Padi Sah	Bermula 2007 - 2009
5.	NAFAS Malaysia NPK Fertilizer Sdn. Bh	i. Manufacturing of NPK Compound Fertilizer	Sehingga 22 Disember 2009
		j. Field Testing Chemical	Sehingga 1 Disember 2009
6.	Pertubuhan Peladang Negeri Johor	i. Skim Kredit Ladang Terselia (SKLT)	Sehingga 31 Disember 2009
		ii. Pemasaran Kelapa Sawit	Sehingga 31 Disember 2009
		iii. Pemprosesan buah tandan segar kepada crude Palm Oil dan Palm Kernel	
		iv. Marketing of Crude Palm Oli dan Palm Kernel (IQ Net. Certification)	
		v. Field Maintenance Operation for Matured Palm Trees (more than 5 years old) (IQ Net. Certification)	
7.	Kilang Padi PPK Kangkong, Kelantan	Pengurusan Pengilangan Padi dan Beras	2007 – 2010
8.	Pertubuhan Peladang Negeri Jentera Perlis	Perkhidmatan Kejenteraan Ladang	Sehingga 28 Februari 2011
9.	PPK Gunung Semanggol, Perak	Pengurusan dan Penedaran tapak Semaian Padi	1 Disember 2008 – 30 November 2011
10.	Loji Benih PPK Lahar Bubu, Pulau Pinang	Pengurusan Pengeluaran Benih Padi Sah	10 Februari 2009 – 9 Februari 2012



iii. Anugerah Tokoh Pekerja Bulanan

LPP memberikan Anugerah Tokoh Bulanan LPP sebagai pengiktirafan kepada anggotanya yang memenuhi kriteria pemilihan seperti hasil dan kualiti kerja yang dapat memberi kepuasan hati pelanggan, sumbangannya dapat meningkatkan reputasi jabatan dan mempunyai tata tertib yang baik. Anugerah diberi menjadi sumber inspirasi dan motivasi kepada anggota LPP dalam memartabatkan kecemerlangan kerja dan keunggulan organisasi. Senarai penerima Anugerah Pekerja Bulanan bagi tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 34**.

Jadual 34
Senarai Penerima Anugerah Tokoh Pekerja
Bulanan Tahun 2008

Bil	Bulan	Nama	Bahagian
1	Januari	Puan Syarifah binti Sulaiman	Hal Ehwal Korporat
2	Februari	Puan Norlia binti Mat Yusoff	Cawangan Audit Dalam
3	Mac	Puan Norlailey binti Yusof	Penguatkuasaan
4	April	Puan Roshidah binti Ahmad	Perniagaantani
5	Mei	Cik Catherina Edward	Kewangan
6	Jun	Puan Arzilinna binti Ahmad Kamal	Pembangunan Usahawan Peladang
7	Julai	Cik Muhaizatu Akmar binti Mohd	Pengeluaran Ladang
8	Ogos	Puan Norlaila binti Yahaya	Perancangan Dan Penilaian
9	September	Cik Norulhuda binti Rafie	Latihan
10	Oktober	Cik Kasuriana binti Hashim	Audit Pertubuhan
11	November	Hajjah Zaiton binti Abu Othman	Penyeliaan Organisasi
12	Disember	Encik Mohd Solihdin bin Mohamed Nor	Pengurusan Sumber Manusia

iv. Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK)

Dengan pelancaran Gerakan Budaya Kerja Cemerlang, LPP menggalakkan penubuhan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) di kalangan anggota LPP untuk menyelesaikan masalah-masalah di tempat kerja. Sumbangan Kumpulan KMK didapati menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kualiti organisasi dalam usaha mewujudkan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) LPP.

Pada setiap tahun, LPP mengadakan Konvensyen KMK bagi memberi peluang kepada kumpulan untuk mempersembahkan projek mereka di samping memberi pengiktirafan sewajarnya atas hasil daripada sumbangan mereka. Konvensyen KMK peringkat negeri telah diadakan pada 16 Oktober 2008, manakala Konvensyen Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 21 Oktober 2008. Pemenang bagi Peringkat Ibu Pejabat dan Kebangsaan adalah seperti di **Jadual 35** dan **Jadual 36**.

Jadual 35
Pertandingan KMK Peringkat Ibu Pejabat

Bil.	Anugerah Diterima	Kumpulan	Negeri / Ibu Pejabat
1.	Anugerah Perdana	AP_ISO	Audit Pertubuhan
2.	Anugerah Emas	JATINIAGA	Perniagaantani
3.	Anugerah Emas	ENFORCEMENT SQUAD	Penguatkuasaan
4.	Anugerah Perak	Train-D	Latihan
5.	Anugerah Perak	DATA Q	Teknologi Maklumat
6.	Anugerah Perak	MODINS	Pengurusan Sumber Manusia
7.	Anugerah Gangsa	DATA.COM.USAHAWAN	Pembangunan Usahawan Peladang
8.	Anugerah Gangsa	e-FARM	Pengeluaran Ladang
9.	Anugerah Gangsa	SUPERVISION	Penyeliaan Organisasi
10.	Anugerah Gangsa	MUHASABAH	Industri Asas Tani
11.	Anugerah Gangsa	DINAMIK	Perancangan dan Penilaian
12.	Anugerah Gangsa	REBRAND_DS_COM	Hal Ehwal Korporat
13.	Anugerah Gangsa	SENSE	Kewangan

Jadual 36
Pertandingan Konvensyen KMK Peringkat Kebangsaan

Bil.	Anugerah Diterima	Kumpulan	Negeri/Ibu Pejabat
1.	Anugerah Perdana	AP_ISO	Bahagian Audit Pertubuhan
2.	Anugerah Emas	DSQ	LPP Kelantan
3.	Anugerah Emas	DIANAMIK 9	LPP Pulau Pinang
4.	Anugerah Perak	SMART	LPP Johor
5.	Anugerah Perak	PADI	LPP Terengganu
6.	Anugerah Perak	CABARAN 07	LPP Pahang
7.	Anugerah Gangsa	MANTAP	LPP Negeri Sembilan
8.	Anugerah Gangsa	GEMILANG	LPP Perlis
9.	Anugerah Gangsa	SEMANGAT JAYA	LPP selangor
10.	Anugerah Gangsa	MERBOK	LPP Kedah
11.	Anugerah Gangsa	JATI	LPP Perak
12.	Anugerah Gangsa	MESRA	LPP Melaka
13.	Anugerah Gangsa	RAFFLESIA	LPP Sabah



PRESTASI PERTUBUHAN PELADANG BAGI TAHUN 2008

PEMBANGUNAN INSTITUSI PELADANG

Pertubuhan Peladang (PP) yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109) merupakan Institut yang dimiliki oleh peladang-peladang. Mengikut Seksyen 7(3) Akta PP 1973, Ketua Pengarah LPP selaku Pendaftar PP telah mewakili sebahagian kuasanya kepada Pendaftar Tetap, Kementerian Permodenan Pertanian Sarawak bagi negeri Sarawak, Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) kecuali kuasa untuk menubuh, mendaftar, menggantung dan memansuh PP.

Keseluruhan prestasi yang dibentang sehingga 31 Disember 2008, merupakan pencapaian prestasi PP di bawah penyeliaan LPP sahaja yang melibatkan sebuah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), 12 buah Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan 206 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

i. Objektif Pertubuhan Peladang

Objektif penubuhan PP adalah untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial, menambah pengetahuan dan kemahiran, meninggikan hasil dan pendapatan dan membaiki cara hidup ahli-ahli serta mewujudkan masyarakat peladang yang progresif, berdikari, makmur dan bersepadu.

ii. Peranan Pertubuhan Peladang

Di antara peranan PP adalah untuk meningkatkan daya pengeluaran peladang menerusi penyediaan perkhidmatan, meningkatkan pertumbuhan sektor pertanian yang pesat menerusi usaha penyusunan semula pertanian. Di samping itu, PP berperanan untuk meningkatkan bidang perniagaan dan pertumbuhan pelaburan dalam bidang pertanian, meningkatkan taraf sosioekonomi dan

kualiti penghidupan peladang dan mengimbangi pembangunan perusahaan asas tani di kawasan luar bandar.

iii. Keahlian PP

LPP dan PP berusaha menambahkan keahlian PP setiap tahun bagi membolehkan semua peladang menerima manfaat daripada perkhidmatan PPK dalam membangunkan peladang progresif. Sehingga akhir tahun 2008, ahli berdaftar di 206 buah PPK di bawah penyeliaan LPP adalah seramai 511,748 orang. Pertambahan seramai 13,354 ahli peladang dalam tahun 2008 (1.6%) berbanding tahun 2007 seperti di **Jadual 37**.

Jadual 37
Keahlian PP di bawah Kendalian LPP Tahun 2006 Hingga 2008

Perkara	2006	2007	2008
Bilangan Ahli	488,115	498,394	511,748

iv. Modal Saham

Jumlah modal saham terkumpul PP di bawah penyeliaan LPP sehingga 31 Disember 2008 (NAFAS, 13 buah PPN dan 206 buah PPK) berjumlah 117.18 juta dengan nilai RM117.18 juta. Nilai ini menunjukkan peningkatan sebanyak 8.6 peratus berbanding tahun 2007 seperti di **Jadual 38**.


Jadual 38
Kedudukan Modal Saham PP Tahun 2006 Hingga 2008

Pertubuhan Peladang	Nilai (RM Juta)		
	2006	2007	2008
PPK	73.92	73.65	81.76
PPN	23.22	25.30	25.42
NAFAS	8.26	8.92	10.00
Jumlah	105.40	107.87	117.18

v. Struktur Pergerakan Pertubuhan Peladang

Institusi pergerakan PP di Malaysia dapat digambarkan melalui struktur pergerakan PP tiga peringkat iaitu NAFAS dengan keahliannya terdiri daripada 14 PPN manakala keahlian PPN terdiri daripada 274 PPK. Secara keseluruhannya, bilangan PP berdaftar bagi tahun berakhir 2008 adalah sebanyak 289 buah. Struktur pergerakan PP tiga peringkat adalah seperti di **Rajah 3**.

Rajah 3
Struktur Pergerakan PP Tiga Peringkat



*Nota:

NAFAS
Pertubuhan Peladang Kebangsaan

PPN/PPK -
Semua PPK adalah ahli kepada PPN dan semua PPN pula adalah ahli kepada NAFAS

UNIT PELADANG
Ahli individu PPK berjumlah sekurang-kurangnya 30 orang yang disatukan dalam kumpulan formal di peringkat kampung dan mengandungi kumpulan-kumpulan kecil informal di bawahnya.

1 PPN dan 68 PPK diwakilkuasakan oleh Pendaftar PP (Ketua Pengarah LPP) kepada MADA (27 PPK), KADA (13 PPK) dan Sarawak (1 PPN, 28 PPK).

vi. Isipadu Perniagaan Pertubuhan Peladang


Aktiviti perniagaan berasaskan pertanian merupakan perkhidmatan utama yang disediakan oleh NAFAS, PPN dan PPK kepada ahli peladang dan menjadi penyumbang terbesar kepada isipadu perniagaan PP. Antara perkhidmatan perniagaantani utama PP ialah pembekalan input pertanian dan pemasaran hasil pertanian. Pada tahun 2008, nilai pembekalan input pertanian PP ialah RM 687.9 juta dan pemasaran hasil pertanian ialah RM 437.1 juta. Kedua-dua aktiviti tersebut menyumbangkan 45 peratus kepada keseluruhan isipadu perniagaan PP di bawah penyeliaan LPP yang bernilai RM 2.49 bilion seperti di **Jadual 39** dan **Carta 8**.



Jadual 39
Pencapaian Isipadu Perniagaan PP Di Bawah
Penyeliaan LPP Tahun 2006 Hingga 2008

Pertubuhan Peladang	Nilai Isipadu (RM)		
	2006	2007	2008
PPK	707.84	904.14	785.55
PPN	483.36	628.06	540.13
NAFAS	898.75	1,369.00	1,164.69
Jumlah	2,090.00	2,901.20	2,490.37

Carta 8
Pecahan Isipadu Perniagaan PP Di Bawah
Penyeliaan LPP Tahun 2008



Bagi tahun 2008, PP di bawah penyeliaan LPP memperolehi lebih urusniaga sebanyak RM130.03 juta berbanding sebanyak RM115.36 juta pada tahun 2007. Ini merupakan pertambahan sebanyak RM14.67 juta (13%).

Jadual 40
Pencapaian Lebihan PP 2006 Hingga
2008

Pertubuhan Peladang	Nilai Lebihan (RM juta)		
	2006	2007	2008
PPK	32.29	40.87	48.06
PPN	20.49	41.33	39.17
NAFAS	29.17	33.16	42.80
JUMLAH	81.95	115.36	130.03

PP turut menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti kontrak pertanian, khidmat kejenteraan ladang serta pengangkutan hasil pertanian dan pembekalan barang keperluan harian kepada peladang melalui kedai peladang dan pasar mini peladang. Ahli-ahli peladang mendapat manfaat dari segi perolehan perkhidmatan, khidmat nasihat, pemindahan teknologi, amalan pertanian baik dan peluang-peluang pekerjaan di PP. Bagi meningkatkan aktiviti Industri Asas Tani, LPP melalui PP melaksana projek Industri Asas Tani dalam sektor pemprosesan, pembuatan dan perkhidmatan seperti kilang padi, kilang makanan terutama makanan ringan, pemprosesan ayam daging dan kelapa sawit.